



SIARAN MEDIA

PERKHIDMATAN BAS SMART SELANGOR KEMBALI BEROPERASI SEMULA MULAI 6 MEI 2020

Berikutnya keputusan Kerajaan Negeri Selangor untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Diubahsuai, Bas SMART Selangor telah kembali beroperasi pada 6 Mei 2020 (Rabu) dari pukul 6 pagi sehingga 10 malam bagi memudahkan perjalanan orang ramai.

Untuk makluman, perkhidmatan Bas SMART Selangor di bawah Pentadbiran MPS akan beroperasi di 3 laluan dengan jumlah 9 buah bas. Berikut merupakan jumlah bas bagi setiap laluan:

- | | |
|-------------------------------------------------|--------------|
| I. Selayang Mutiara- LRT Gombak (MPS1) | - 4 buah bas |
| II. Tesco Rawang-Hentian Bas Rawang (MPS2) | - 3 buah bas |
| III. Batu Arang- Stesen Komuter Sg.Buloh (MPS3) | - 2 buah bas |

Semua penumpang Bas SMART Selangor diingatkan supaya sentiasa mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa. Pastikan penjarakan sosial serta memakai topeng muka dan sentiasa membersihkan tangan sebelum dan selepas menggunakan pengangkutan awam.

Sebagai langkah keselamatan bagi mencegah penularan wabak Covid-19, operator Bas SMART Selangor MPS telah melakukan kerja-kerja nyahkuman di dalam bas, meletakkan pelekat-pelekat bagi menandakan tempat duduk untuk penjarakan sosial, menyediakan cecair sanitasi dalam bas dan had bilangan penumpang turut dikurangkan kepada 15 orang sahaja dalam satu masa berbanding had bilangan penumpang yang sedia ada.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi di talian 03-6138 9898 / 03-6126 5824 atau layari www.mps.gov.my.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh :

EN. MOHAMAD ZIN BIN MASOAD A.M.S.

Pengarah

Jabatan Korporat

b/p Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Selayang

03-6126 5800/019-280 7788

Tarikh dikeluarkan : 6 Mei 2020